

Insentif nelayan, petani akan disemak

KUALA LUMPUR - Semakan semula pemberian insentif kepada nelayan dan petani akan dibuat selepas proses pemutihan dijalankan bagi mengenal pasti individu benar-benar layak menerima bantuan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir Amiruddin Hamzah berkata, kerajaan bersedia menambah peruntukan insentif kepada golongan berkenaan sekiranya hasil pemutihan menunjukkan jumlah nilai insentif diperuntukkan sempena Belanjawan 2019 itu tidak mencukupi.

Menurutnya, insentif diumumkan sebelum ini berdasarkan kajian dibuat



AMIRUDDIN

kementerian berkaitan.

"Untuk insentif nelayan, kita lihat angkanya menurun hampir 50 peratus kerana Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melihat keadaan sebenar dan mereka sedang melakukan pemutihan. Contohnya suami isteri berusia 70 tahun keduaduanya mendaftar sebagai nelayan. Mungkin salah seorang sudah tidak dapat turun ke laut.

"Begini juga pertanian. Ada perbezaan subsidi baja kerana proses pemutihan sedang dibuat Kementerian Pertanian melalui agensinya. Kami mendapat, sebahagian baja dibekalkan tidak digunakan, sebaliknya dijual," katanya.